

Aktiviti yang Menyumbang kepada Persekutaran yang Selamat di Jalan Warisan Bandar Lama Kajang

(Activity Towards a Safety Environment in Traditional Street of Old Kajang Town)

Nor Haslina Ja'afar^{a,b*}, Nor Afifah Husen ^c & Mohd Iskandar Abd Malek^a

^a*Jabatan Seni Bina dan Alam Bina (JSAB), Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

^b*Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

^c*SA Acrhitect Sdn Bhd, F-SG-18, Blok F, Sunway Geo Avenue, Jalan Lagoon Selatan, Sunway South Quay, Bandar Sunway, Subang Jaya, Malaysia*

*Corresponding author: mell_ina@ukm.edu.my

Received 10 May 2022, Received in revised form 31 May 2022

Accepted 14 July 2022, Available online 30 October 2022

ABSTRAK

Di dalam reka bentuk bandar, jalan merupakan salah satu elemen penting yang berfungsi sebagai ruang awam terbuka terutamanya di Malaysia. Imej sesebuah jalan pada masa yang sama menggambarkan karakter sesebuah bandar. Jika sesebuah jalan itu mempunyai persekitaran yang selamat serta mesra pejalan kaki, maka perkara yang sama juga menggambarkan bandar tersebut. Namun pembangunan pada hari ini, banyak jalan-jalan di bandar warisan memaparkan suasana kurang selamat terutamanya di waktu malam kerana tiadanya atau kekurangan aktiviti. Maka, objektif penulisan ini adalah membincangkan faktor aktiviti yang menyumbang kepada persekitaran yang selamat di Jalan Mendaling dan Jalan Tukang, Bandar Warisan Kajang Selangor. Jalan tradisional tersebut dipilih sebagai kajian kes kerana ia berfungsi sebagai ruang awam terbuka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi teknik temu bual dan pemerhatian tapak. Responden untuk temubual adalah pengguna jalan yang terdiri dari pengguna statik dan mobil di mana ia melibatkan 20 orang. Kesemua data akan dibincangkan menerusi analisis persilangan dan dikaitkan dengan kajian literatur sebelum penemuan diperoleh. Penemuan menunjukkan, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada persekitaran yang selamat di kawasan kajian. Ia adalah kegunaan bangunan bercampur dengan penginapan, Kepelbagai perniagaan dan perkhidmatan serta masa operasi perniagaan. Penemuan ini dapat menyumbang kepada arkitek, pereka bentuk dan perancang bandar, bagaimana menghidupkan persekitaran yang selamat dan mesra pejalan kaki sekaligus.

Kata kunci: Jalan warisan; selamat; aktiviti; kegunaan bangunan

ABSTRACT

In urban design, streets are one of the important elements that function as public spaces, especially in Malaysia. The image of a street reflects the time as well as demonstrates the image of the city. Hence, a street with a strong sense of safety and walkability, simultaneously contributes to the similarity of the character of the place. However, the recent development of the heritage town shows a lack of activity occurring at night, hence displaying a less secure atmosphere for the place. Therefore, the objective of the article is to discuss the activities that contribute to the safe environment in 'Jalan Mendaling' and 'Jalan Tukang', 'Bandar Warisan Kajang Selangor'. These three case studies of traditional streets were chosen as they are considered as public spaces. This research adopted a qualitative method, including the interview and field observation techniques. There were 20 respondents among the street users, from both static and mobile were interviewed. The data collected was analysed through a triangulation approach and further explained through literature evidence prior to the development of the finding. The findings show that there are several factors that contribute to the safe environment in the case studies area. It includes mixed development with residential typology, diversification of business activities, and business operating hours. The findings contributed to the architect, urban designer, and town planner in further enhancing the street design in terms of its liveability, walkability, and quality of safe streets.

Keywords: Traditional street; safe; activity; building use

PENGENALAN

Jalan merupakan nadi utama sesebuah bandar, Keselamatan pula merupakan salah satu aspek yang menentukan kejayaan sesuatu bandar manakala orang awam pula adalah penggerak yang menghidupkan sesebuah bandar (Omar et al. 2021). Aktiviti yang berlaku di sesuatu tempat merupakan antara penyumbang utama di dalam mewujudkan persekitaran yang berdaya hidup dan selamat (Khalaf & Ja'afar 2020; Ali et al. 2020). Maka kehadiran aktiviti di sepanjang jalan adalah penting untuk mewujudkan jalan yang selamat.

Namun pada hari ini, disebabkan ketidakseimbangan kepesatan pembangunan, banyak aktiviti yang berlaku di jalan warisan telah terhakis. Sebagai contoh, banyak aktiviti di dalam rumah kedai telah ditukar fungsinya dari penginapan kepada stor (Ja'afar & Harun 2018). Malah ada yang membiarkannya kosong dan terdapat juga yang meroboh bangunan tersebut. Ini menyebabkan kehadiran komuniti sedia ada yang menginap di situ semakin kurang (Ja'afar & Harun 2018). Menurut para pengkaji, kehadiran tipologi ‘rumah kedai’ di bandar warisan banyak memberi manfaat kepada jalan dan bandar tersebut. Ini kerana pada siang hari jalan berfungsi sebagai tempat awam terbuka di mana kepelbagaian pengguna akan menggunakanannya. Ia berfungsi sebagai ruang komersil, ruang sosial, ruang beribadah, tempat bekerja, berjalan dan sebagainya. Manakala pada waktu malam, jalan tersebut akan diambil alih oleh para penginap yang menghuni di situ (Ja'afar & Harun 2018). Mereka membentuk satu komuniti di mana aktiviti berkeluarga akan dilihat dengan jelas terutamanya di waktu malam. Dengannya ada komuniti ini, ia menyumbangkan kepada persekitaran yang selamat bagi pejalan kaki di waktu siang mahupun malam (Mohd Shariff et al. 2019). Secara tidak langsung suasana ini juga menyumbang kepada persekitaran yang mesra didiamai dan menonjolkan lagi keunikan karakter jalan.



(i)



(ii)

RAJAH 1. (i) Tipologi bangunan baru iaitu ‘kedai pejabat’ (arkitekrda.com.my). (ii) Tipologi bangunan ‘rumah kedai’. (travel2penang.org)

Masalah seterusnya adalah pengubahsuaian tipologi bangunan dari ‘rumah kedai’ kepada ‘pejabat kedai’. Ini dapat dilihat terutamanya untuk pembinaan di penempatan baru. Penginapan telah dipisahkan dengan fungsi jalan sebagai arena sosial (M Husini & Ja'afar 2017). Jika ada penginapan di kawasan bandar, kos rumah adalah sangat mahal kerana faktor lokasi yang strategik. Ini menyebabkan ia hanya mampu dimiliki oleh golongan tertentu sahaja. Maka ramai yang memilih menginap di kawasan yang jauh dari bandar atau tempat kerja (M. Husini & Ja'afar 2017). Contohnya, menginap di Seremban dan bekerja di Kuala Lumpur. Ini menyebabkan sesebuah jalan itu selamat hanya di waktu siang hari sahaja. Ini kerana tiada komuniti tetap yang menginap di jalan tersebut (Alamoush et al. 2018).

Selain itu, terdapat juga jalan-jalan di pekan warisan yang tiada lagi aktiviti yang sekian lama bertapak. Perkara ini menyebabkan pekan tersebut mati. Contohnya di Pekan Lama Papan dan Pekan Lama Kepayang, Perak. Disebabkan tiadanya aktiviti, maka jalan tersebut adalah tidak selamat kerana tiada alasan mengapa orang ramai perlu ke kawasan tersebut (Ja'afar & Harun 2018). Malah bangunan yang ada turut terbiar dan musnah dimakan usia (Ja'afar 2018). Hal ini telah menyebabkan musnahnya salah satu warisan bandar kita.



RAJAH 2. Keadaan Pekan Lama Papan yang mati disebabkan tiadanya aktiviti. Bangunan pula dibiarkan using dan dimamah usia. Ini mewujudkan persekitaran yang tidak selamat untuk pejalan kaki (RoamThisWay 2020)

Huraian permasalahan di atas menunjukkan bahawa betapa pentingkan kehadiran aktiviti di jalan warisan yang menyumbang kepada suasana yang selamat kepada pejalan kaki. Ini kerana kehadiran aktiviti akan menarik orang ramai dan secara langsung mewujudkan persekitaran dan suasana yang mesra didiami dan hidup. Ia juga menyokong peranan jalan sebagai ruang awam yang penting bagi sesebuah bandar. Maka penulisan ini akan membincangkan faktor masa aktiviti yang menyumbang kepada persekitaran yang selamat di mana Jalan Mendaling dan Jalan Tukang, Bandar Warisan Kajang, Selangor merupakan kajian kes.

JALAN, AKTIVITI DAN PERSEKITARAN SELAMAT


Diruangan ini pengkaji akan mengulas konsep jalan, persekitaran yang selamat dan mesra didiami. Jalan merupakan salah satu elemen yang menyumbang kepada kejelasan sesebuah bandar. Ia merujuk kepada elemen “path” (da Silva et al. 2014; Khalaf & Ja’afar 2020) serta merupakan antara ruang awam terbuka yang penting bagi sesebuah bandar. Fungsi jalan adalah sebagai arena sosial di mana keutamaan diberi kepada pejalan kaki. Para pengkaji memaklumkan, jika sesebuah bandar itu baik, ia dapat dinilai menerusi kualiti jalannya. Begitu juga sebaliknya. Malah pembentukan bandar dimulai dengan jalan dan asasnya 2/3 bandar adalah jalan (Ja’afar 2018).

Persoalannya, apa perbezaan di antara jalan dengan jalanraya (*road*)? Pengguna utama bagi jalan adalah pejalan kaki dan kerana itu ia berfungsi sebagai ruang awam terbuka atau tempat wujudnya interaksi sosial (Foster & Billie, 2008; Ja’afar 2018; Alamoush et al. 2018). Contohnya adalah, Jalan Masjid India di Kuala Lumpur. La_Ramblas Street di Sepanyol serta Regent Street di London. Manakala pengguna utama “*road*” adalah kenderaan bermotor. Oleh kerana itu ia dibina dengan kelebaran yang luas sesuai dengan kelajuan kenderaan (Huynh V.B. et al. 2022; Alamoush et al. 2018). Sebagai contoh “*road*” adalah lebuhraya.

Aktiviti pula merujuk kepada fungsi di mana ia dapat dilihat pada kegunaan bangunan dan perilaku yang dihasilkan oleh pengguna jalan (Alamoush et al. 2018; Li et al. 2005). Menurut para pengkaji, kehadiran aktiviti menjadikan sesuatu tempat itu hidup (*liveable*) serta selamat. Ia merupakan salah satu ciri persekitaran jalan yang selamat dan berjaya (Chalfin et al. 2021; Ja’afar et al. 2017; Miles 2008). Gehl (2010) telah mengkategorikan aktiviti kepada 3 kumpulan utama, iaitu; (i) aktiviti keperluan (ii) aktiviti pilihan dan (iii) aktiviti sosial. ‘Aktiviti keperluan’ adalah terhasil daripada pejalan kaki seperti melalui jalan tersebut dan mereka tidak mempunyai pilihan. Atau dalam kata lain, aktiviti yang wajib dilakukan. ‘Aktiviti pilihan’ pula terjadi apabila wujudnya keinginan pengguna untuk mengambil bahagian dan meluangkan masa di tempat yang digemari. Contohnya duduk sambil memerhati atau bermain. Aktiviti ini tidak akan berlaku pada cuaca yang buruk seperti hujan. Tetapi tahap aktiviti ini berlaku bergantung kepada persekitaran. Jika reka bentuk persekitaran fizikal adalah

menarik, maka kewujudan aktiviti ini adalah tinggi dan begitu juga sebaliknya. Akhir sekali adalah ‘aktiviti sosial’. Ia wujud apabila ramai orang berkumpul di suatu tempat dan bersosial. Contohnya, kanak-kanak bermain, ramai orang dan rakan-rakan datang dan berbual serta bertegur-sapa. Seperti ‘aktiviti pilihan’, aktiviti ini akan wujud secara spontan dan bergantung kepada kualiti reka bentuk persekitaran ruang (Ghossoub 2020; Tan & Ja’afar 2019). Hasil dari aktiviti pula akan mewujudkan corak yang dikenali sebagai ‘corak aktiviti’ (*activity pattern*). Penonjolan keunikan ‘aktiviti pilihan dan sosial’ di sesuatu tempat mampu menghasilkan karakter setempat sesebuah jalan.

Manakala selamat pula adalah perkara asas dalam keperluan psikologi manusia (Abdul Rashid et al. 2017). Di dalam konteks jalan di bandar, ‘keselamatan yang dirasai’ (*perceived safety*) merupakan suatu perasaan yang subjektif bagi setiap individu (Jansson, 2019). Menurut Adriaola et al. (2021), suasana yang selamat merupakan salah satu kualiti yang penting di dalam menyumbang kepada jalan yang mesra pejalan kaki. Salah satu penyumbangnya adalah interaksi aktiviti yang terhasil dengan pejalan kaki, bukannya kenderaan bermotor. Ini kerana kebergantungan pada kereta tidak menyumbang kepada pengangkutan yang mampan untuk masa hadapan (*sustainable transport future*) di mana ia menyebabkan peningkatan kegagalan persekitaran bagi pejalan kaki serta peningkatan kemalangan, kesesakan dan pertumbuhan bandar yang terputus dan pencemaran udara (Jansson 2019).



RAJAH 3. Rajah menunjukkan konsep perkaitan bagaimana wujudnya perasaan selamat dan aktiviti (Olahan dari Jansson 2019).

Jansson (2019) telah menerangkan konsep persekitaran jalan yang selamat dengan memahami apakah perkara yang mempengaruhinya dan dipengaruhi dan, dilihat selamat (Rajah 3). Menurut beliau, elemen fizikal (contoh, kehadiran orang ramai dan lebar jalan) akan menghasilkan kualiti reka bentuk bandar (kejelasan dan skala manusia). Kedua-dua perkara ini akan mewujudkan reaksi individu terhadap tempat tersebut. Reaksi tersebut adalah perasaan selamat, selesa dan tahap interaksi (*sense of safety, comfort and level of interest*). Kedua-dua ini merupakan perkara asas dari aspek reka bentuk dalam menentukan persekitaran yang selamat. Kemudian ketiga-tiga faktor tersebut (elemen

fizikal, kualiti reka bentuk bandar dan reaksi individu akan menyumbang kepada persekitaran mesra pejalan kaki dan menghasilkan perilaku pejalan kaki atau aktiviti. Ini menunjukkan bahawa aspek reka bentuk dapat menjana aktiviti di mana ia menghasilkan suasana yang selamat dan hidup.


Penerangan di atas menunjukkan walaupun suasana jalan yang selamat adalah sesuatu yang subjektif tetapi di dalam reka bentuk ia masih dapat diukur. Ia dirujuk kepada aspek elemen reka bentuk fizikal dan kewujudan aktiviti. Maka kajian ini akan melihat bagaimana aktiviti menyumbang kepada persekitaran jalan yang selamat dan mesra didiami.

METODOLOGI

Kajian menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan teknik pemerhatian dan temubual bersama pengguna jalan. Data transkrip dari temubual diproses menggunakan perisian Nvivo menerusi kaedah analisis bertema. Sampel saiz adalah 20 responden dan menurut pengkaji saiz ini adalah memadai bagi kajian berbentuk kualitatif. Hal ini disebabkan oleh; (i) saiz sampel yang kecil membolehkan pengkaji memperoleh data yang lebih terperinci (ii) sample saiz yang dicadangkan adalah diantara 20-30 responden (Ja'afar & Harun 2018; Khalaf et al. 2021).

Semasa sesi temubual, soalan temubual jenis separa struktur digunakan. Ia dipilih untuk memastikan pengkaji mendapat semua data dari pembolehubah. Ditambah pula temubual soalan separa struktur adalah sesuai untuk menerokai topic secara terperinci apabila pengkaji mempunyai kurang maklumat berkaitan sesuatu konteks (Alamoush et al. 2018).

Manakala teknik pemerhatian terus ke tapak digunakan menerusi pemerhatian tidak berstruktur. Data pemerhatian akan dianalisa secara kualitatif. Data pemerhatian akan direkodkan menerusi pengambilan gambar dan lakaran.



RAJAH 4. Rangka kerja metodologi

Jenis responden adalah pengguna jalan yang melibatkan dua kategori iaitu; (i) pengguna tetap seperti pemilik kedai dan pekerja di jalan tersebut (ii) pengunjung seperti pelancong atau sebagai pembeli (Khalaf et al. 2021; Ja'afar, 2018). Responden yang akan diberi keutamaan adalah mereka yang biasa dengan aktiviti dan budaya setempat. Menurut pengkaji, persepsi dari penduduk setempat adalah penting kerana mereka mengetahui selok belok tempat tersebut. Manakala persepsi pengunjung dapat membuka perspektif yang berbeza berbanding dengan penduduk setempat (Khalaf et al. 2021; Ja'afar 2018).

Strategi kajian adalah kajian kes di dua jalan di Bandar Lama Kajang, Selangor iaitu, Jalan Mendaling dan Jalan Tukang. Jalan ini dipilih kerana disebabkan oleh; (i) Ia merupakan antara penempatan awal dan pusat ekonomi Kajang pada tahun 1930-an. (ii) Merupakan jalan yang digunakan oleh penduduk Kajang dan sekitarnya (Semenyih, Sg Chu, Bandar Baru Bangi dan Cheras). (ii) Jalan tersebut berfungsi sebagai ruang awam di mana aktivitinya adalah menjual barang-barang keperluan (MPKj,2020).

Namun jalan tersebut mempunyai permasalahan pembangunan yang membimbangkan di mana jalan tersebut mati dan suram pada waktu cuti dan malam. Ini kerana kurang kedatangan pengguna di waktu malam dan dipenuhi dengan kesesakan trafik. Hal ini menyebabkan kurangkan wujud suasana yang selamat. Jalan tersebut juga kurang mendapat perhatian dalam pelaksanaan pembangunan Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang 2020 (MPKj 2020).



RAJAH 5. Lokasi Bandar Kajang dan warna merah menunjukkan jalan kajian.

DATA ANALISIS DAN PERBINCANGAN

JADUAL 1. Data dari teknik temubual dan pemerhatian


Bil	Jenis Kegunaan Bangunan		Temubual	Pemerhatian (n=20)	
			Tidak	Ya	Ya
1.	Komersil	Masa	20	0	✓
		Jenis perniagaan	15	5	✓
2.	Kegunaan bercampur	Kehadiran pemerhati	20	0	✓
		Rumah kedai	16	4	✓

KEGUNAAN KOMERSIL

Kajian mendapati suasana jalan yang selamat telah dikaitkan dengan kehadiran jenis kegunaan bangunan di kawasan kajian dan telah dimaklumkan oleh kesemua pengguna hasil dari temubual (n=20). Ia telah dikaitkan dengan kehadiran kegunaan bangunan komersil di mana faktor masa dan jenis perniagaan telah diutarkan oleh responden. Berikut adalah contoh petikan yang dimaklumkan oleh responden.

“Siang saya rasa selamat sebab kedai-kedai dibuka di jalan ini. Nampaklah peniaga dan orang lalu-lalang. Tapi jenis barang yang dijual disini tidak menarik. Saya lebih suka ke pusat membeli-belah seperti Metro Shopping atau IOI, tapi jauh sikit. Di situ banyak barang dan ikut trend terkini. Suasana pun selesa dan ada tempat berehat. Tapi di sini dengan banyak kereta, tidak ada tempat relaks dan berehat.” (responden 20)

Petikan di atas menunjukkan kehadiran aktiviti yang berlaku di kawasan kajian banyak dipengaruhi oleh kewujudan aktiviti perniagaan yang berlangsung pada waktu siang. Aktiviti perniagaan ini telah menyebabkan kehadiran pengguna tertumpu di waktu siang serta menghasilkan persekitaran yang selamat kerana wujudnya saling memerhati diantara peniaga atau pekerja dengan pengunjung. Namun majoriti responden (n=15) juga memaklumkan jenis perniagaan dan perkhidmatan serta suasana kawasan kajian adalah bersifat ‘kurang menarik’. Menurut mereka, kedai-kedai di Jalan Tukang dan Jalan Mendaling kebanyakannya masih menjalankan perniagaan yang kurang mendapat sambutan masa kini. Ditambah pula persekitaran jalan yang banyak kenderaan bermotor serta tiadanya suasana berehat untuk pejalan kaki. Responden menambah lagi, mereka lebih suka ke tempat yang mudah menemui kepelbagaian barang keperluan, barang mengikut trend semasa dan lokasi berdekatan antara satu sama lain serta suasana yang lebih selesa. Contohnya di gedung membeli-belah Metro yang terletak berhampiran kawasan kajian. Maka dapat dinyatakan bahawa faktor lokasi kelepbagaian jenis perniagaan dan perkhidmatan yang berhampiran atau berdekatan adalah penting di dalam menarik kedatangan orang ramai.




RAJAH 6. Barisan kedai yang terdapat di Jalan Mendaling.

Manakala situasi yang agak berbeza dimaklumkan oleh responden di waktu malam.

“Saya selalu buka kedai pukul 8 pagi. Pukul 7 malam dah tutup. Ada kedai yang tutup 8 malam.” (responden 3)

“Saya tak pernah datang sini pada waktu malam sebab tidak ada apa-apa yang menarik. Kedai tutup dan tidak ada aktiviti. Risau kalau berlaku apa-apa sebab berkemungkinan ada jenayah. Tiada siapa nak tolong.” (responden 6)

Petikan di atas menunjukkan responden tidak membuka premis mereka di waktu malam kerana banyak perniagaan ditutup. Malah majoriti responden (n=19) memaklumkan bahawa mereka tidak ke kawasan kajian bukan sahaja kedai-kedai ditutup malah ketiadaan aktiviti lain yang dapat menarik mereka ke kawasan kajian. Mereka juga bimbang keselamatan diri kerana suasana yang gelap dan sunyi dimana ia lebih mendorong berlakunya kejadian yang tidak diingini seperti kejadian jenayah. Ini menunjukkan bagaimana peranan aktiviti yang menarik adalah penting di dalam menarik kedatangan orang ramai dan mewujudkan suasana yang selamat.



RAJAH 7. Suasana kawasan Jalan Mendaling pada pukul 8:30 malam yang agak gelap di mana kedai-kedai ditutup dan mewujudkan suasana tidak selamat bagi pejalan kaki.

Perkara ini telah disokong menerusi pemerhatian di mana waktu operasi perniagaan bermula seawal 7 pagi sehingga 8 malam untuk hari Isnin hingga Sabtu. Manakala pada hari Ahad, waktu perniagaan adalah sedikit berbeza di mana ia berakhir lebih awal, iaitu pada pukul 1 petang. Selepas waktu itu terutamanya pada waktu malam, keadaan menjadi suram kerana tiada aktiviti lain yang berlangsung. Ini menyebabkan kekurangan kedatangan pengguna ke kawasan kajian. Pada waktu malam, hanya dua buah restoran masakan Cina yang masih beroperasi namun lokasinya adalah agak terpencil. Perkara ini turut dimaklumkan responden:

“Saya datang sini (malam) sebab nak beli makanan. Kedai makan ini sudah lama dan memang terkenal. Jalan sini pada waktu malam memang rasa tak selamat, tapi kalau dekat kedai ini, rasa ok sikit. Sebab nampak ada cahaya dan ada orang sedang makan di kedai ini.” (responden 6)

Temubual dengan salah seorang pelanggan memaklumkan restoran tersebut memang terkenal dan kerana itu ia menjadi tumpuan pelanggan walaupun di waktu malam. Responden turut memaklumkan merasa lebih selesa dan selamat di sekitar kawasan restoran ini kerana kehadiran pemerhati dari pengunjung serta limpahan cahaya dari perniagaan berbanding di kawasan lain yang gelap.



RAJAH 8. Hanya restoran masakan Cina yang terletak di sudut Jalan Tukang dan Jalan Mendaling beroperasi di waktu malam.

Pemerhatian menyokong, persekitaran kawasan kajian dilihat memberi keutamaan kepada kenderaan bermotor. Malah pejalan kaki sukar melintas untuk ke bangunan hadapan. Kekurangan ‘kepelbagaian’ aktiviti yang menarik telah mewujudkan persekitaran yang kurang mesra pejalan kaki. Suasana yang kurang menarik terutama di waktu malam telah mengakibatkan kurang minat orang ramai ke kawasan kajian. Apabila tempat tersebut kurang dikunjungi oleh orang ramai, secara tidak langsung ia menghasilkan suasana yang kurang selamat. Ini menunjukkan kehadiran aktiviti yang berkait dengan pejalan kaki dan kepelbagaian dapat menarik orang ramai ke kawasan kajian serta menyumbang kepada persekitaran yang selamat.



RAJAH 9. Suasana kawasan kajian yang didominasi dengan kenderaan bermotor yang turut menyumbang kepada persekitaran yang kurang selamat bagi pejalan kaki.

Huraian di atas menunjukkan wujudnya perkaitan di antara suasana tempat yang merangkumi kepelbagaian perniagaan, perkhidmatan terkini, serta lokasi berhampiran dan suasana interaksi sosial yang selesa bagi pejalan kaki adalah penting dalam mewujudkan persekitaran yang selamat. Perkara ini telah dimaklumkan oleh para pengkaji,

kepelbagaian jenis barang atau perkhidmatan dapat membantu kedatangan orang ramai serta menyumbang kepada kejayaan dan identiti tempat tersebut (Ja’afar et al. 2012; Ali et al. 2019).

KEGUNAAN BERCAMPUR

Persekitaran jalan yang selamat juga dapat dikaitkan dengan kehadiran aktiviti bercampur terutamanya penginapan dan komersial. Di dalam konteks bandar warisan berkarakterkan ‘Chinatown’ atau Kampung Cina di Malaysia, ia merujuk kepada tipologi rumah kedai (Ja’afar et al. 2012; Ja’afar 2018). Hasil temubual, majoriti responden ($n=16$) mengaitkan keadaan rumah kedai dengan suasana jalan yang selamat.

“.... Lagi pun kita lihat bangunan di sini tidak terjaga dengan baik. Ada yang roboh, terbiar, tidak dijaga dengan baik, nampak buruk dan tidak menarik. Ada bangunan yang dibiarkan kosong. Saya kurang selesa dengan suasana macam ni. Nak jalan pun rasa tidak selamat terutama sebelah malam. Kalau dijaga dengan baik, nampak menarik sebab bangunan di sini banyak bangunan sejarah macam di Melaka. Barulah menarik nak datang sini.” (responden 1)

“Sayang bangunan lama ini. Rumah-kedai ini tak ada sapa nak tinggal lagi pada zaman ini. Tengoklah keadaan macam ini. Dulu-dulu ada lah agaknya.” (responden 2)


Petikan di atas membuktikan bahawa penampilan negatif bangunan rumah kedai seperti tidak dijaga dengan baik, dibiarkan usang, ada yang roboh serta dibiarkan kosong tanpa kegunaan mahupun menginap telah menghasilkan persekitaran yang tidak menarik untuk pengunjung datang ke kawasan kajian.



RAJAH 10. Fakad rumah kedai warisan yang tidak diselenggara dengan baik.

Secara langsung ia mewujudkan persekitaran kurang selamat dan selesa bagi pejalan kaki terutamanya pada malam hari. Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya menjaga penampilan bangunan sejarah serta memastikan kehadiran aktiviti seperti penginapan di dalam menarik

orang ramai dan mewujudkan persekitaran yang selesa dan selamat.



RAJAH 11. Pemerhatian mendapati 46 unit bangunan dimana kegunaannya dapat dikategorikan kepada 4 jenis iaitu kegunaan bercampur, penginapan, perniagaan dan sivik.

Pemerhatian di Jalan Tukang dan Jalan Mendaling pula menunjukkan terdapat 46 unit premis yang terdiri daripada bangunan berbagai fungsi iaitu premis kegunaan bercampur, penginapan, bangunan sivik dan premis perniagaan. Premis ini didominasi oleh premis kegunaan bercampur iaitu sebanyak 34 unit (74%), penginapan sebanyak 1 unit (2%), bangunan sivik sebanyak 5 unit (11%) dan premis perniagaan sebanyak 6 unit (13%). Pemerhatian mendapati, peratusan tertinggi iaitu premis kegunaan bercampur dikaitkan dengan bangunan berkonseptan rumah kedai. Daripada jumlah ini, hanya 15 unit bangunan rumah kedai boleh diklasifikasikan berada dalam keadaan baik. Namun hanya 4 unit sahaja premis rumah kedai yang masih mengekalkan fungsi utamanya iaitu sebagai premis perniagaan dan penginapan dalam satu unit dalam masa yang sama (pemerhatian).

Menurut para pengkaji, fungsi jenis bangunan ‘rumah kedai’ sebagai kegunaan bercampur adalah penting di dalam memastikan persekitaran yang hidup dan berkomuniti. Ia merupakan salah satu warisan bandar kita di mana kebiasaan rumah kedai berkonseptan pembahagian ruang mengikut aras. Menurut M. Husni & Ja’afar (2017), aras bawah bangunan kebiasannya berfungsi sebagai ruangan perniagaan dan komersial manakala pada aras atas pula digunakan sebagai ruangan penginapan. Reka bentuk ini pada kebiasaan disertakan dengan elemen ruang terbuka di luar premis yang juga dikenali sebagai kaki lima. Reka bentuk kaki lima akan bersambungan antara satu sama lain untuk membentuk satu blok bangunan yang terdiri daripada pelbagai jenis premis. Kehadiran kegunaan komersil menyebabkan pada siang hari jalan terbuka kepada kedatangan orang luar manakala pada masa yang sama terutamanya pada malam hari, ia seolah-olah diambil-alih oleh komuniti yang menginap di situ.

Ini jelas menunjukkan bahawa peranan rumah kedai yang berfungsi sebagai penginapan dan komersil telah pemerhati secara tidak langsung di kawasan kajian adalah sangat penting. Rumah kedai sepatutnya dijadikan sebagai salah satu daripada penyumbang kepada interaksi secara langsung dengan pengguna jalan yang dapat membuatkan mereka berasa lebih selamat samaada siang atau malam ketika menggunakan jalan tersebut. Dalam masa yang

sama, ianya dapat menarik minat pengguna jalan ini untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang disediakan di kawasan tersebut.

KESIMPULAN

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat tiga faktor yang melibatkan aktiviti dapat menyumbang kepada persekitaran yang selamat di Jalan Mendaling and Jalan Tukang, Bandar Lama Kajang. Faktor tersebut adalah:

1. Kegunaan bangunan bercampur dengan penginapan
Kehadiran kegunaan bercampur bersama-sama dengan penginapan dapat mewujudkan persekitaran yang selamat siang dan malam. Ini kerana secara konsepnya, pada siang hari jalan akan didominasi oleh kepelbagaiannya pengguna di mana mereka datang untuk pelbagai tujuan. Manakala pada malam hari pula, jalan seakan-akan diambil alih oleh mereka yang menginap di situ. Komuniti ini akan mewujudkan suasana kepunyaan dan aktiviti tersendiri. Hasil ini menyebabkan jalan tersebut hidup 24 jam dimana wujud persekitaran yang selamat menerusi ‘mata-mata yang memerhati’ pada malam mahupun siang.
2. Masa operasi perniagaan
Masa operasi perniagaan sehingga ke malam dapat menyumbang kepada persekitaran yang selamat. Ini kerana kehadiran lampu dari perniagaan serta wujudnya interaksi di antara peniaga dan pengunjung menghasilkan suasana yang selamat secara semulajadi.
3. Kepelbagaiannya perniagaan/ perkhidmatan.
Kepelbagaiannya perniagaan dan perkhidmatan yang mengikut trend terkini dan lokasi berhampiran dapat menyumbang kepada tarikan orang ramai. Seterusnya dapat mewujudkan persekitaran jalan yang selamat.

Menurut pengkaji, tiga faktor di atas adalah kunci kejayaan di dalam menarik pejalan kaki adalah suasana ‘kepelbagaiannya’ aktiviti yang mesra pejalan kaki. Dengan adanya pelbagai jenis perniagaan dan perkhidmatan yang berhampiran, ia akan menghasilkan kepelbagaiannya interaksi sosial bagi sesuatu tempat. Hal ini akan mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan hidup serta meriah (*livable and vibrant*) (Acosta & Jorge, 2018; Ja’afar et al. 2017). Ini kerana aktiviti yang menghidupkan sesuatu kawasan secara tidak langsung akan membantu mewujudkan golongan pemerhati yang akan mengawasi kawasan sekitarnya (Ali et al. 2020)

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi dan Geran FRGS (FRGS/1/2015/SSI11/UKM/02/2).

RUJUKAN

- Abdul Rashid, S., Wahab, M.H., Wan Mohd Rani, W.N., & Ismail, S. 2017. Safety of street: the role of street design. *Proceeding Conference AIP (An International Conference) 2017*. 1891(1): 1-7
- Acosta, S.F., & Jorge E.C. 2018. City safety perception model based on visual content of street images. *IEEE International Smart Cities Conference 2018*, 1-8.
- Adriazola-Steil, C., Pérez-Barbosa, D., Batista, B., Luke, N., Li, W., Sharpin, A.B., Bech, L., Colbeck, J., Erikson, A., Harms, L. & Hartmann, A. 2021. Safe bicycle lane design principles: responding to cycling needs in cities during COVID and beyond. <http://www.wri.org> [30 June 2022]
- Alamoush, J.S., Ja'afar, N.H., Mohd Husini, E., & Wan Ismail, W.N. 2018. Comfort character of landscape features of traditional streets in Amman, Jordan. *Journal of the Malaysian Institute of Planners* 16(1): 63-74.
- Ali, Omar H., Ja'afar, N.H., Mat Sulaiman, M.K.A., & Khalaf, Omar A. 2019. Square as urban space in Iraq: the effectiveness of design attributes on social interaction. *International Journal of Recent Technology and Engineering (Ijrte)* 7(6S2): 305-310.
- Ali, Omar H., Ja'afar, N.H. & Mat Sulaiman, M.K.A. 2020. The influence of geographical and physical attributes on user activities in Erbil Square, Iraq. *Alam Cipta: International Journal of Sustainable Tropical Design Research and Practice* 13(1): 71-80.
- Chalfin, Aaron, Jacob Kaplan, and Michael L. 2021. Street light outages, public safety and crime attraction. *Journal of Quantitative Criminology* 2021: 1-29.
- da Silva, S.A., Ryzia de C.V.C., José Á.W.G., Jessica N.S., Flávia P.R., Rubia Bispo de J., Renata S.d.Vale, & Priscila S.T.d.S. 2014. Street food on the coast of Salvador, Bahia, Brazil: a study from the socioeconomic and food safety perspectives. *Food Control* 40: 78-84.
- Foster, S., & Billie G.C. 2008. The built environment, neighborhood crime and constrained physical activity: an exploration of inconsistent findings. *Preventive Medicine* 47(3): 241-251.
- Gehl, J. 2010. *Cities for People*. Island Press.
- Ghossoub, C. 2020. Associations of Eyes on the Street with the Perception of Safety in New York City. Thesis PhD Columbia University.
- Huynh-Van, B., Vy V.T., Tuyen H.T.T., Sinh D.X., Tung H.V., Tran-To, N.N.T.T., Cuc H.B., & Hung N.V. 2022. Factors associated with food safety compliance among street food vendors in Can Tho city, Vietnam: implications for intervention activity design and implementation. *BMC Public Health* 22(94): 1-11.
- Ja'afar, N.H., Sulaiman, A.B., & Shamsuddin, S. 2012. Traditional street activities in Kuala Lumpur city centre. *International Journal Multidisciplinary Thought* 2(1): 93-105.
- Ja'afar, N.H. 2018. An encounter of diversity of building signage in traditional street character at Melaka Historical Centre. *The Journal of Social Sciences Research* 6: 861-865.
- Ja'afar, N.H. 2018. A building condition in influencing the walkable environment in traditional street of Melaka Historical City. *International Journal of Engineering & Technology* 7(3.9): 1-10.
- Ja'afar, N.H., Abdul Rahim A., Abd. Samad N.A., & Che Raiskandar C.R. 2017. Sidewalk accessibility at Melaka's traditional streets for people with disabilities (Pwds). *Journal of the Malaysian Institute of Planners* 15(1): 389-396.
- Ja'afar N.H., & Harun N.Z. 2018. Building opening design contributing to traditional streets walkability character in Melaka Historic City. *Journal of the Malaysian Institute of Planners* 16(4): 188-198.
- Ja'afar N.H., Tambi N., & Mohd Khairul Azhar M.S. 2017. Pendekatan isu sosial bagi projek reka bentuk bandar ke arah senibina identiti kebangsaan sebagai nic Jabatan Senibina UKM. *Prosiding K-Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Ukm (Pendidikan Kejuruteraan Dan Alam Bina) 2017*, 62-77.
- Jansson, C. 2019. Factors important to street users' perceived safety on a main street. Thesis Master KTH Vetenskap Och Konst, Stockholm.
- Li, F., K. J.F., Ross C.B., & Mark B. Multilevel modeling of built environment characteristics related to neighborhood walking activity in older adults. *Journal of Epidemiology & Community Health* 59(7): 558-564.
- M. Husini, E., & Ja'afar, N.H. 2017. Konsep perumahan dalam reka bentuk bandar warisan yang mesra didiami (livable) berdasarkan konsep naqli dan aqli. in *Pembinaan rumah kediaman menurut perspektif Islam* 123-133. USIM Press.
- Miles, R. 2008. Neighborhood disorder, perceived safety, and readiness to encourage use of local playgrounds. *American Journal of Preventive Medicine* 34(4): 275-281.
- Mohd Shariff, M.R., Esmawee Endut, Ahmad Faisal Alias, Ja'afar N.H. 2019. Towards formulating urban cultural heritage conservation strategies in the former tin mining towns in Lembah Kinta, Perak. *Borneo Journal of Social Science & Humanities* 8: 1-9.
- Khalaf, O.A., Ja'afar, & Harun, N.Z. 2021. The significance of safety and security factors for urban commercial streets in a user friendly environment. *Design Engineering* 7: 2112-2127.
- Khalaf, O.A., & Ja'afar, N.H. 2020. User-friendly streets for a walkable, liveable and sustainable environment: A review. *Jurnal Kejuruteraan* 30(2): 53-58.
- MPKJ, 2020. Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang Selangor 2035. gis.mpkj.gov.my [30 June 2022]
- Tan K.J., & Ja'afar, N.H. 2019. Man-environment relationship of public square, case study in Dutch Square, Melaka. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)* 7(6S2): 291-294.